

## **4 Kesilapan Besar Wanita Semasa Memilih Produk Kosmetik.**

Seringkali wanita akan melakukan kesilapan semasa memilih produk kosmetik. Akibatnya produk yang dipilih tidak sesuai dengan kulit. Selepas menggunakan produk tersebut kulit wajah mula bermasalah.

Persoalannya sekarang apakah puncanya sehingga wanita melakukan kesilapan semasa memilih produk kosmetik ?

Di bawah saya kongsi 4 kesilapan wanita semasa memilih kosmetik.

### **1. Ikut Nafsu**

Keinginan yang tinggi untuk kelihatan putih dan cantik mendorong keterujaan wanita untuk membeli produk kosmetik. Mereka tidak kira berapa harganya, apa yang terkandung di dalamnya mahupun halal atau haram. Apa yang penting nak nampak cantik.

### **2. Mudah Terpengaruh**

Golongan wanita yang nak nampak cantik pantang melihat iklan-iklan terbaru produk-produk kosmetik. Iklan yang menjanjikan kulit boleh berubah putih dan cantik dalam jangka masa singkat. Wanita yang melihat iklan sebegini membayangkan yang kulit mereka akan bertukar menjadi putih dan cantik. Mereka mudah terpengaruh dengan janji-janji iklan. Akhirnya kecewa kerana produk yang dibeli tidak sesuai dengan kulit.

### **3. Tidak Peka & Ambil Ringan**

Wanita yang nak nampak cantik ini hanya memikirkan tentang nak putih dan cantik. Mereka tidak peduli adakah produk kosmetik yang ingin dibeli itu selamat atau tidak. Mengandungi bahan kimia beracun atau tidak. Halal atau tidak. Mereka mengambil ringan dengan perkara-perkara yang boleh menyebabkan kerosakan kepada kulit.

#### **4. Tidak Cukup Ilmu**

Majoriti pengguna Malaysia terutamanya wanita bukan sekadar ambil mudah malah tidak memiliki ilmu kepenggunaan yang cukup. Malas nak membaca dan belajar. Bagi mereka memiliki ilmu bukan satu perkara penting dalam hidup. Apa yang penting kena nampak cantik. Bila kita memiliki ilmu maka kita dapat selamatkan diri kita dari risiko salah memilih dan risiko kerosakan kulit.

#### **Kesimpulan**

Prihatin dan berilmu adalah penyelesaian kepada banyak pemasalahan. Sebagai pengguna wanita harus berubah. Berubah menjadi pengguna yang bijak. Elakkan dari merosakkan diri sendiri dan yang penting jangan ikut nafsu.